

16 JUN 1996

PEMUDA UMNO MAHU SELANGOR TURUT GAM M. NASIR

SHAH ALAM, 16 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Selangor mahu Kerajaan Negeri turut menggamkan penyanyi M. Nasir daripada mengadakan persembahan di negeri ini bagi menyokong tindakan Kementerian Penerangan terhadapnya berikutan kenyataan artis itu yang dianggap menghina Perdana Menteri baru-baru ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Selangor, Datuk Abdul Fatah Iskandar berkata tindakan itu wajar sebagai satu pengajaran supaya jangan ada pihak yang cuba memperkecilkan pemimpin negara.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah membawa banyak kemajuan yang dinikmati rakyat termasuk penyanyi itu sendiri...kalau dia (M. Nasir) tidak mahu berterima kasihpun kepada Dr Mahathir, janganlah sekali-kali memperkecilkan beliau," katanya.

Bercakap kepada pemberita di sini, hari ini, Abdul Fatah berkata orang ramai yang membaca laporan mengenai kenyataan penyanyi itu sebelum ini memang ternanti-nanti untuk melihat sejauh mana tindakan kerajaan terhadap kenyataan "kurang ajar" penyanyi itu.

Beliau percaya orang ramai menyambut baik tindakan itu apatah lagi Malaysia tidak kekurangan artis yang berupaya dan berbakat besar yang boleh ditonjolkan oleh stesen televisyen dan radio.

Abdul Fatah berkata pertanyaan mengherdik sedemikian terhadap pemimpin Malaysia yang dikenali serata dunia tidak wajar diucapkan oleh seorang artis, yang akan turut menjejaskan nama artis-artis tempatan lain. --

BERNAMA
MNY AKD